



## **DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA (Jawatan Kosong)**

Permohonan dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan mempunyai kelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

### **Bil. Iklan: DBKU/1/2022**

1. a) **Jawatan:** Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP29  
b) **Jabatan:** Dewan Bandaraya Kuching Utara  
c) **Kumpulan Perkhidmatan:** Pelaksana  
d) **Klasifikasi Perkhidmatan:** Keselamatan Dan Pertahanan Awam  
e) **Bahagian Yang Memerlukan:** Keselamatan

### **2. Jadual Gaji Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP29:-**

<b>Gaji Minimum</b>	<b>Gaji Maksimum</b>
RM 1,493.00	RM 5,696.00

### **3. Antara Skop Tugas Utama**

- a) Merancang, mengurus, melaksana dan memantau Unit Pentadbiran, Unit Keselamatan, Unit Trafik Warden dan Unit Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (OHSA)
- b) Memastikan kawalan keselamatan harta benda DBKU dan nyawa pegawai dan kakitangan DBKU di dalam premis DBKU sentiasa terjamin selamat.
- c) Memastikan kelancaran aliran lalulintas dalam kawasan bidangkuasa DBKU dan juga meminimakan aduan awam ke atas kesalahan lalulintas yang melibatkan halangan lalulintas serta aduan terhadap masalah kotoran jalanraya akibat aktiviti pembinaan dan sebagainya
- d) Lain – lain tugas yang di arahkan dari semasa ke semasa

### **4. Syarat Lantikan:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 21 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29 : RM1,493.00); atau  
(ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29 : RM1,493.00); atau

- (iii) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya ber pangkat Sarjan atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29 : RM1,493.00); atau
- (iv) Diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29 : RM1,770.95); atau
- d) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut :-
  - (i) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki
  - (ii) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki
  - (iii) Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26
  - (iv) Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm dan 84sm ukuran dada yang biasa dan semasa menarik nafas (lelaki sahaja)
  - (v) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
  - (vi) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat ; dan
  - (vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar

- e) Calon bagi lantikan dengan kelayakan di perenggan 4(c)(i), 4(c)(ii) atau 4(c)(iv) hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C)** dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

**Taraf Jawatan : Kontrak**

**Cara Memohon:**

Calon yang berminat dan memenuhi syarat-syarat tersebut, adalah dipelawa untuk menghantar permohonan dengan **menulis surat besertakan 'resume' yang mengandungi butir-butir peribadi termasuk nombor telefon peribadi yang mempunyai aplikasi whatapps, kelayakan akademik, pengalaman kerja beserta sijil-sijil yang telah disahkan dan sekeping gambar berukuran pasport (tidak dikembalikan) kepada:-**

**Bahagian Pengurusan Sumber Manusia**

Dewan Bandaraya Kuching Utara

Tingkat 3, Bangunan DBKU

Bukit Siol, Jalan Semariang

Petra Jaya, 93050 Kuching

Pemohon di kalangan kakitangan kerajaan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing berserta dengan perkara berikut:-

- a) Laporan Sulit
- b) Laporan Penilaian Prestasi bagi tiga (3) tahun terakhir
- c) Salinan Kenyataan Perkhidmatan

**Tarikh Akhir Permohonan : 25 Julai 2022**

**Catatan Am:**

- (i) Permohonan yang tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan dan tidak memberi maklumat dengan lengkap tidak akan dipertimbangkan.
- (ii) Hanya calon-calon yang layak selepas disenarai tapis sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga.
- (iii) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.